

MA 3/9/23 P19

Bayar tunggakan sewa atau meter air dikunci!

Kuala Lumpur: Bayar sewa rumah tertunggak atau berdepan tindakan meter air dikunci.

Itu amaran diberikan kepada penyewa Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang culas membayar sewa ditetapkan.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memaklumkan, Jabatan Pembangunan Komuniti Dan Kesejahteraan Bandar (JPK-KB) akan melaksanakan penguatkuasaan Operasi Kunci Air (OKA) di PPR Perkasa serta Seri Alam sebelum langkah sama diperluaskan ke kawasan lain.

Menurutnya, pelbagai usaha dilakukan bagi memberi ruang kepada penyewa untuk menjelaskan bayaran sewa tertunggak termasuk hebahan serta notis selain sesi bersemuka dan pembukaan kaunter bergerak.

"Ia bertujuan bagi memudahkan penyewa ber-

unding untuk menstrukturkan bayaran bagi menjelaskan tunggakan.

"Pembukaan kaunter bergerak pula bagi memudahkan urusan pembayaran terutama penghuni yang mempunyai sewa tertunggak," katanya menerusi kenyataan di facebook rasmi.

Menuruf DBKL, rundungan pembayaran dibuka kepada penghuni PA dan PPR yang mempunyai sewa tunggakan.

"Selepas segala usaha dibuat, tindakan kunci air dikenakan ke atas penyewa-penyewa yang masih berdegil untuk tampil berunding bagi menyelesaikan tunggakan walaupun pelbagai peringatan dan peluang diberikan.

"DBKL memandang serius isu itu dan akan memperluaskan OKA di semua kawasan PA dan PPR bagi mengesan penyewa yang culas membayar sewa," katanya.



TINDAKAN mengunci meter air rumah penyewa yang mempunyai tunggakan sewa tak dilunas.